

**Tan Sri Dr. Hajjah Aishah Ghani: Penggerak Kebangkitan
Wanita Melayu Awal Abad ke-20**

***Oleh:
Dr. Arba'iyah Mohd Noor
Jabatan Sejarah, UM***

ABSTRAK

Makalah ini akan membincangkan mengenai peranan tokoh yang tidak asing lagi di tanah air kita iaitu Tan Sri Dr. Hajjah Aishah Abdul Ghani, antara tokoh politik wanita Melayu terkenal di Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan paparan serba sedikit mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan beliau. Perbincangan kemudiannya akan menjurus kepada penglibatan beliau dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Pergerakan UMNO sekitar 1940-an. Selain itu, perbincangan akan memfokuskan kepada pencapaian terpenting yang telah diperjuangkan di era kepimpinan beliau selaku Ketua Pergerakan Wanita UMNO dan Menteri Kebajikan Am iaitu tuntutan Undang-undang Keluarga Islam (*Family Law*) dan Koperasi Dermajaya Wanita. Tuntutan ini adalah wajar untuk memperjuangkan hak dan nasib kaum wanita di samping menggalakkan kaum wanita untuk sama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki di dalam pelbagai bidang.